

02 APR 2001

PATA-Persembahan

LEBIH 100 PERSEMBAHAN LANGSUNG RAI DELEGASI PATA

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Sejajar dengan moto PATA 'Proud Past - Promising Future', persembahan langsung daripada negara tuan rumah Malaysia adalah berdasarkan kepada perkembangan seni tarian dan seni muzik, kedua-dua berbentuk moden dan tradisional.

Lebih daripada 100 persembahan langsung akan dipersembahkan dalam pertunjukan kebudayaan multi-media bagi meraikan delegasi PATA ke negara ini sebaik sahaja acara perasmian oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 9 April ini.

Menurut Sekretariat PATA, persembahan bermula dengan 'Sembah Pendekar' iaitu adat menyambut yang akan dipersembahkan oleh penari-penari lelaki dalam bentuk pergerakan dan langkah silat.

'Silat' ialah seni mempertahankan diri masyarakat Melayu.

Sempena majlis istimewa ini, persembahan silat turut diiringi 'Silamban' iaitu seni mempertahankan diri masyarakat India dan 'Wu Shu' oleh masyarakat Cina.

Muzik dan tarian Melayu banyak dipengaruhi daripada bangsa India, China dan Arab. Sebuah lagi bentuk tarian yang akan dipersembahkan ialah 'Zapin' yang telah diperkenalkan di Tanah Melayu oleh masyarakat Arab yang bermastautin di negeri Johor.

Sekretariat PATA menambah persembahan ini harus dilihat dalam dua bahagian.

Pembukaan persembahan akan menceritakan mengenai kemahiran orang dewasa manakala kanak-kanak digambarkan sebagai pemerhati yang memiliki perasaan ingin tahu dan ingin mempelajari serta menyertai seni tari yang dilihat sehari-harian.

Di bahagian penutup pula bermula di mana permulaan berakhir dan pada waktu ini kanak-kanak akan mengambil bahagian secara aktif di atas pentas sebagai penari dan pemuzik terlatih.

Orang dewasa pula digambarkan sebagai pemerhati yang berbangga. Senyuman terukir di wajah mereka apabila melihat kejayaan mereka dalam menurunkan seni turun-temurun nenek moyang mereka kepada golongan muda yang akan terus mengamalkan seni itu untuk masa hadapan.

Penerbit dan pengarah artistik Dr Hatta Azad Khan, pereka tari Zulkarnain Ramli dan penggubah muzik Ayub Ibrahim adalah antara mereka yang akan memastikan persembahan benar-benar mencerminkan kebudayaan Malaysia.

Dr Hatta yang bertanggungjawab dalam persembahan ini merupakan Pengarah Akademi Seni Kebangsaan. Beliau memiliki M.A dalam bidang Pengarahan Teater dan Sinografi dari Universiti Purdue dan Ph.D dalam Pengajian Filem dari Universiti New South Wales.

Beliau adalah juga pengarang/pengarah di teater, filem dan televisyen.

Zulkarnain atau Nain memiliki BA dalam bidang tarian dari Universiti Middlesex dan kini bertugas di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.

Manakala Ayub, seorang penggubah dan guru muzik memiliki ijazah dalam bidang muzik dari Universiti Institut Teknologi Mara (UiTM) dan kini tenaga pengajar di Akademi Seni Kebangsaan dan juga UiTM di Shah Alam. -- Bernama

RR AM